

**PEMILIHAN KERJAYA KEJURURAWATAN  
DALAM KALANGAN JURURAWAT  
PELATIH**

**NORHAYATI BINTI NASIR**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH  
SARJANA PENDIDIKAN (PSIKOLOGI PENDIDIKAN)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2014**

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor penyumbang pemilihan kerjaya kejururawatan dalam kalangan jururawat pelatih. Seramai 42 orang responden dalam kalangan jururawat pelatih tahun tiga terlibat dalam kajian ini. Kaedah Pedagogi Hermeneutik sebagai metodologi kualitatif dan interpretif digunakan untuk menginterpretasikan data responden dalam mengenal pasti faktor-faktor penyumbang dalam pemilihan kerjaya kejururawatan. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor kerja, gaji, minat dan sokongan daripada ibu bapa merupakan faktor penyumbang utama dalam pemilihan kerjaya kejururawatan. Hasil kajian juga turut menyatakan faktor-faktor yang menyebabkan gred pencapaian jururawat pelatih di bawah PNGK 3.0. Jururawat pelatih dalam kajian ini tidak memberikan tumpuan semasa sesi kuliah berlangsung, belajar pada saat-saat akhir menjelang peperiksaan, tidak membuat ulangkaji dan akhirnya mereka terpengaruh dengan kesan negatif oleh kawan. Antara cadangan untuk membaikinya gred pencapaian jururawat pelatih ialah tempoh penempatan latihan amali mereka dipendekkan terutama di wad-wad yang sibuk menjelang peperiksaan mereka dan tenaga pengajar jururawat pelatih disaran melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang menarik minat mereka.

## **CONTRIBUTING FACTORS IN SELECTING NURSING CAREER AMONGST TRAINEE NURSES**

### **ABSTRACT**

This aim of this study is to identify the contributing factors in the selection of the nursing profession among trainee nurses. A total offorty-two three-year trainee nurses participated in the study. Pedagogy hermeneutic and interpretive methodology was used to interpret the data of the respondents in identifying the contributing factors in the selection of the nursing profession. The results showed that work, wages, interest and support from parents were major contributing factors in the selection of the nursing profession. The study also suggested factors that caused the CGPA performance of trainee nurses to fall 3.0. The study showed that the trainee nurses in this study did not focus during lectures, studied at the last minute for exams, did not prepare for exams and finally they were influenced negatively by their friends. Some suggestions to improve performance of trainee nurses throughout their nursing diploma course, were that practical placement period for the trainee nurses should be shortened especially on busy wards during their exams and trainee nurses educators should implement aspect teaching and learning that could interests and attract them.

## KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii

### **BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	2
1.3 Pernyataan masalah	4
1.4 Objektif kajian	7
1.5 Soalan kajian	7
1.6 Kepentingan kajian	8
1.7 Batasan kajian	9
1.8 Definisi istilah kajian	11
1.8.1 Kerjaya kejururawatan	11

1.8.2	Jururawat Pelatih	11
1.8.3	Kaedah Pedagogi Hermeneutik	12
1.9	Rumusan	13

**BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	14
2.2	Kursus Diploma Sains Kejururawatan di Malaysia	15
2.3	Stres dalam kalangan jururawat pelatih	17
2.4	Teori pemilihan kerjaya Holland	19
2.5	Teori perkembangan kerjaya	22
2.6	Teori Hirarki Keperluan Maslow	23
2.7	Kaedah Pedagogi Hermeneutik	27
2.8	Kajian luar negara tentang kejururawatan	36
2.9	Kajian dalam negara tentang kejururawatan	45
2.10	Rumusan	56

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	58
3.2	Reka bentuk kajian	59
3.3	Lokasi kajian	61
3.4	Sampel kajian	62
3.5	Instrumen kajian	63

3.6	Proses pengumpulan data yang bertulis teks penulisan	65
3.7	Prosedur kajian	68
3.8	Prosedur analisis data	69
3.9	Rumusan	70

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	72
4.2	Esei (Teks) responden	74
4.3	Perbincangan faktor-faktor penyumbang yang menarik minat jururawat pelatih memilih kerjaya kejururawatan	74
4.3.1	Peluang berkhidmat dengan perkhidmatan awam	76
4.3.2	Meningkatkan ilmu pengetahuan	78
4.3.3	Kerjaya yang mulia	79
4.3.4	Dorongan keluarga	80
4.3.5	Minat	81
4.3.6	Jururawat terlatih	82
4.3.7	Kerjaya yang berinteraksi dengan masyarakat	82
4.3.8	Disiplin	83
4.3.9	Paksaan	84

4.4 Faktor-faktor yang menyebabkan gred pencapaian jururawat pelatih di bawah PNGK 3.0	85
4.4.1 Jururawat pelatih kurang penumpuan semasa sesi kuliah	86
4.4.2 Jururawat pelatih belajar pada saat-saat akhir menjelang peperiksaan	86
4.4.3 Tidak membuat ulangkaji menjelang peperiksaan	87
4.4.4 Penempatan amali menjelang peperiksaan	88
4.4.5 Jururawat pelatih tidak berminat untuk belajar	89
4.4.6 Kurang persaingan dalam belajar	90
4.4.7 Jururawat pelatih kurang membaca	90
4.4.8 Jururawat pelatih kurang tumpuan kepada pelajaran	91
4.4.9 Jururawat pelatih kurang minat mengikuti kursus diploma kejururawatan	91
4.4.10 Kursus diploma kejururawatan susah	92
4.4.11 Jururawat pelatih kurang belajar	92
4.4.12 Masa untuk jururawat pelatih belajar tidak mencukupi	92
4.4.13 Pengaruh kawan	93
4.4.14 Jadual padat	93

4.5 Cadangan langkah-langkah untuk membaiki gred pencapaian anda yang berada di bawah PNGK 3.0	93
4.5.1 Jururawat pelatih belajar secara konsisten dan berterusan	94
4.5.2 Pendekkan tempoh penempatan latihan amali	94
4.5.3 Menjawab contoh-contoh soalan peperiksaan	95
4.5.4 Pengajaran dan pembelajaran yang menarik	95
4.5.5 Pengajar jururawat mengadakan kelas tambahan	96
4.5.6 Jururawat pelatih belajar dalam kumpulan	96
4.5.7 Kurangkan masa kuliah	97
4.5.8 Jururawat pelatih lebih rajin dalam mentelaah pelajaran	97
4.5.9 Kuiz tentang topik pelajaran	98
4.5.10 Jururawat pelatih bertanya kepada pengajar supaya lebih faham	98
4.5.11 Bilik kuliah yang selesa	99

4.5.12 Jururawat pelatih menyediakan jadual belajar sendiri	99
4.5.13 Jururawat pelatih mengikuti kelas tambahan pada waktu malam	99
4.5.14 Jururawat pelatih minat dalam kerjaya kejururawatan	100
4.5.15 Jururawat pelatih memberikan tumpuan semasa sesi kuliah	100
4.6 Rumusan	101
<b>BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
5.1 Pengenalan	102
5.2 Perbincangan	103
5.3 Kesimpulan kepada analisis	105
5.4 Cadangan untuk membaiki pencapaian jururawat pelatih semasa mengikuti kursus diploma kejururawatan	111
5.4.1 Pengajar jururawat mengaplikasikan proses pembelajaran dan pengajaran yang menarik minat jururawat pelatih untuk belajar	112
5.4.2 Jururawat pelatih berusaha bersungguh-sungguh untuk maju dalam pelajaran semasa mengikuti kursus diploma kejururawatan	115


5.4.3 Bahagian pengurusan kolej lebih prihatin terhadap jururawat pelatih, jururawat pelatih minat untuk belajar	116
5.4.4 Cadangan ILKKM merangka cadangan dan program yang lebih kompetitif untuk memotivasi jururawat pelatih	117
5.5 Cadangan bagi kajian lanjutan untuk meningkatkan jururawat pelatih dalam pencapaian akademik semasa kursus diploma kejururawatan	118
5.6 Kesimpulan kajian faktor-faktor penyumbang dalam pemilihan kerjaya kejururawatan dalam kalangan jururawat pelatih	119
<b>RUJUKAN</b>	121
<b>LAMPIRAN</b>	

## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
Jadual 1.1	Keputusan akhir tahun 3, semester II	3
Jadual 4.1	Faktor-faktor penyumbang yang menarik minat jururawat pelatih memilih kerjaya kejururawatan	191
Jadual 4.2	Faktor-faktor yang menyebabkan gred pencapaian jururawat pelatih di bawah PNGK 3.0	192
Jadual 4.3	Jururawat pelatih kurang penumpuan semasa sesi kuliah	193
Jadual 4.4	Belajar pada saat akhir menjelang peperiksaan	193
Jadual 4.5	Tidak membuat ulangkaji menjelang peperiksaan	193
Jadual 4.6	Penempatan latihan amali menjelang peperiksaan	193
Jadual 4.7	Jururawat pelatih tidak berminat belajar	193
Jadual 4.8	Kurang persaingan dalam belajar	194
Jadual 4.9	Jururawat pelatih kurang membaca	194
Jadual 4.10	Jururawat pelatih kurang tumpuan kepada pelajaran	194
Jadual 4.11	Jururawat pelatih kurang minat mengikuti kursus diploma kejururawatan	194
Jadual 4.12	Kursus diploma kejururawatan susah	194

Jadual 4.13	Jururawat pelatih kurang belajar	195
Jadual 4.14	Masa untuk jururawat pelatih belajar tidak mencukupi	195
Jadual 4.15	Pengaruh kawan	195
Jadual 4.16	Jadual padat	195
Jadual 4.17	Belajar secara konsisten dan berterusan	196
Jadual 4.18	Pendekkan tempoh penempatan latihan amali	196
Jadual 4.19	Menjawab contoh-contoh soalan peperiksaan	196
Jadual 4.20	Pengajaran dan pembelajaran yang menarik	196
Jadual 4.21	Pengajar jururawat mengadakan kelas tambahan	197
Jadual 4.22	Jururawat pelatih belajar dalam kumpulan	197
Jadual 4.23	Kurangkan masa kuliah	197
Jadual 4.24	Jururawat pelatih lebih rajin dalam mentelaah pelajaran	197
Jadual 4.25	Kuiz tentang topik pelajaran	197
Jadual 4.26	Jururawat pelatih bertanya kepada pengajar jururawat supaya jururawat pelatih lebih faham	198
Jadual 4.27	Bilik kuliah yang selesa	198
Jadual 4.28	Jururawat pelatih menyediakan jadual belajar sendiri	198

Jadual 4.29	Kelas tambahan pada waktu malam	198
Jadual 4.30	Jururawat pelatih minat dalam kerjaya kejururawatan	199
Jadual 4.31	Jururawat pelatih memberikan tumpuan semasa sesi kuliah	199



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Muka Surat</b>
2.1 Kekaburan <i>onto enigma</i>	33
3.1 Reka bentuk kajian menggunakan kaedah pedagogi hermeneutik	60
3.2 Proses pengumpulan data yang bertulis (teks penulisan)	67
3.3 Prosedur analisis data	70

## SENARAI SINGKATAN

BERNAMA	<i>National News Agency of Malaysia</i>
BPL	Bahagian Pengurusan Latihan
CUEPACS	<i>Congress of Unions of Employees in the Public and Civil Services</i> (Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja dalam Perkhidmatan Awam)
ILKKM	Institusi Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KSKB	Kolej Sains Kesihatan Bersekutu
LJM	Lembaga Jururawat Malaysia
MEQ	<i>Modified Essay Question</i>
OSCE	<i>Objective Structure Clinical Examination</i>
PNGK	Purata Nilai Gred Kumulatif
SPA	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan tentang perkara-perkara asas yang berkaitan dengan kajian, iaitu meliputi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi istilah yang

diketengahkan dalam kajian yang meliputi definisi kerjaya kerjururawatan, definisi jururawat pelatih dan akhirnya Kaedah Pedagogi Hermeneutik.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Sikap, minat dan motivasi memainkan peranan penting dalam menentukan tahap pencapaian seseorang dalam kerjaya yang diceburi. Guru dan pelajar wajib berusaha untuk memupuk sikap, minat dan motivasi supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan (Seyle, 2006). Dapatan kajian menunjukkan bahawa jururawat pelatih yang bersikap positif berminat dalam kerjaya kejururawatan serta bermotivasi tinggi untuk mencapai kejayaan dalam kerjaya. Mereka juga menunjukkan prestasi yang lebih baik sepanjang tempoh pengajian di kolej berbanding mereka yang tidak berminat dalam kerjaya kejururawatan yang diceburi (Halimah Harun, 2009).

Jururawat pelatih perlu mempunyai minat dan komitmen yang tinggi semasa tempoh pengajian mereka di kolej sebagai persediaan diri untuk dilantik sebagai jururawat terlatih yang mana kehidupannya adalah lebih mencabar lagi, bakal jururawat terlatih perlu menjalani latihan dengan cemerlangnya supaya dapat menyediakan diri mereka dengan etika kejururawatan yang kukuh (Rohani Arshad, 2008).

Menurut Santrock (2008), minat ialah proses menjana, mengarahkan dan mengekalkan tingkah laku. Minat merupakan satu penggerak dari dalam hati seseorang untuk melakukan sesuatu tindakan demi mencapai matlamat untuk mendorong pelajar. Guru sepatutnya menyentuh domain afektif pelajar, kompetensi pelajar, harga kendiri, autonomi dan penyempurnaan diri.

Minat merupakan keinginan untuk melibatkan diri dalam aktiviti. Kebanyakan jururawat pelatih kurang berminat untuk belajar. Apabila mereka berjaya dalam peperiksaan, mereka menganggap diri mereka bernasib baik atau ujian senang, tetapi apabila gagal dalam ujian, mereka menganggap diri mereka bisu. Keadaan ini menunjukkan betapa lemahnya diri mereka (Santrock, 2011).

Jadual 1.1 menunjukkan pencapaian jururawat pelatih yang dinilai dalam program kejururawatan mengikut kod subjek, iaitu jururawat pelatih yang berada di dalam tahun 3, semester II pada tahun 2013. Jumlah sebenar jururawat pelatih adalah seramai seratus orang dan daripada jumlah tersebut seramai 42 orang jururawat pelatih mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) di bawah 3.0.

Analisis daripada Jadual 1.1 menunjukkan hampir separuh daripada jumlah jururawat pelatih yang berada dalam tahun 3, semester II mendapat PNGK di bawah 3.0.

**Jadual 1.1***Keputusan Akhir Tahun 3, Semester II*

Kod subjek	Jumlah calon yang mendapat gred PNGK di bawah 3.0
<i>Emergency Nursing (NEMN 3221)</i>	15 orang
<i>Profesional Development (3222)</i>	13 orang
<i>Profesional Practice (NPPF 3217)</i>	14 orang
<b>Jumlah</b>	<b>42 orang</b>

Sumber : Unit Peperiksaan Kolej Kejururawatan, Jun 2013.

**1.3 Pernyataan Masalah**

Terdapat anggapan bahawa jururawat pelatih yang mengikuti program diploma kejururawatan di kolej-kolej kejururawatan di Malaysia merupakan jururawat pelatih yang tidak berjaya meneruskan pengajian di institusi pengajian tinggi walaupun keputusan peperiksaan mereka dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ialah cemerlang. Masalah ini akhirnya akan menjelaskan pencapaian kecemerlangan akademik jururawat pelatih tersebut apabila mereka mengikuti program diploma kejururawatan.

Adakah anggapan itu ada kebenarannya sehingga membawa kepada peratus kelulusan dalam kalangan jururawat pelatih adalah kurang memberangsangkan dalam setiap semester, iaitu bermula dari semester satu hingga ke semester akhir, iaitu semester enam.

Sebagai salah seorang pengajar jururawat, penyelidik hairan mengapa pencapaian akademik jururawat pelatih semakin merosot hari demi hari terutama jururawat pelatih lelaki. Melalui pemerhatian, berikut dinyatakan beberapa faktor yang menjadi penyumbang kepada kemerosotan pencapaian akademik jururawat pelatih dan dimanakah kebenarannya yang perlu dibuktikan melalui penyelidikan.

Antara faktor penyumbang yang dikenal pasti adalah masalah peribadi pelatih, iaitu kurang motivasi diri untuk mencapai kecemerlangan yang membawa kepada sikap malas, ambil mudah dan tidak kisah, kurang keyakinan diri, malu bertanya dan kurang disiplin diri (Lindop, 2008).

Cabaran bagi penyelidik yang bertugas sebagai pengajar jururawat di kolej kejururawatan ialah kesukaran untuk menggalakkan minat jururawat pelatih belajar supaya mereka cemerlang dalam akademik. Walaupun pada dasarnya tahap kognisi mereka adalah cemerlang, tetapi apabila kurang kesedaran diri tentang kepentingan belajar menyebabkan wujud banyak masalah yang membimbangkan penyelidik sebagai pengajar jururawat.

Jururawat pelatih yang kurang minat untuk belajar akan sering terlibat dengan masalah tingkah laku seperti ponteng kuliah, ponteng penempatan

latihan amali, tidak menyelesaikan kerja kursus yang diberikan oleh pengajar jururawat, merokok dan sebagainya. Hakikatnya untuk membentuk jururawat pelatih tersebut seperti yang dicita-citakan amat mencabar bagi setiap pengajar jururawat serta memerlukan kekuatan fizikal dan mental yang kental bagi setiap pengajar jururawat.

Secara amnya, tujuan kajian adalah untuk mencari satu jawapan, iaitu cara menggalakkan minat jururawat pelatih yang sedang mengikuti pengajian selama tiga tahun di kolej kejururawatan sebelum mereka keluar sebagai tenaga kerja yang berdaya saing, kompeten dan berwibawa dalam memberikan perawatan kepada masyarakat.

Menurut Glossop (2012), jururawat pelatih lelaki kurang cemerlang dalam akademik kerana memilih kerjaya yang salah. Sejak dari zaman dahulu lagi kerjaya kejururawatan adalah didominasi oleh golongan wanita dan kebelakangan ini sahaja melibatkan kaum lelaki dalam profesion ini. Manakala, menurut Perkins (2012), pihak pengurusan bagi program diploma kejururawatan hendaklah memahami situasi pembelajaran yang dihadapi oleh jururawat pelatih, iaitu jururawat pelatih kurang cemerlang dalam pencapaian akademik semasa belajar di kolej kejururawatan kerana kandungan dalam program kursus diploma kejururawatan adalah terlalu padat.

## 1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya tumpuan kajian adalah untuk :

- a) Mengenal pasti faktor yang menarik minat jururawat pelatih dalam pemilihan kerjaya kejururawatan.
- b) Mengenal pasti aktor-faktor yang menyebabkan gred pencapaian jururawat pelatih di bawah PNGK 3.0.
- c) Menghuraikan langkah-langkah untuk memperbaiki gred pencapaian jururawat pelatih yang berada di bawah PNGK 3.0 tersebut.

## 1.5 Soalan Kajian

Antara soalan kajian adalah :

- a) Apakah faktor-faktor yang menarik minat jururawat pelatih dalam memilih kerjaya kejururawatan ?
- b) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan gred pencapaian jururawat pelatih di bawah PNGK 3.0 ?
- c) Apakah langkah-langkah untuk memperbaiki gred pencapaian jururawat pelatih yang berada di bawah PNGK 3.0 tersebut ?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharap dapat membantu tenaga pengajar jururawat sebagai pembimbing kepada jururawat pelatih dalam menangani isu-isu kecemerlangan jururawat pelatih dalam profesi yang diceburi. Pengkaji juga berharap kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada individu-individu lain yang akan menjalani latihan kejururawatan.

Pengkaji juga berharap supaya hasil kajian mampu memberikan manfaat dan penyelesaian kepada semua tenaga pengajar jururawat yang terlibat secara langsung sebagai pembimbing kepada jururawat pelatih di kolej dalam kursus diploma kejururawatan dengan menyediakan pelbagai kaedah untuk meningkatkan keberkesanan dalam sistem pengajaran dan pembelajaran yang menarik serta mampu menggalakkan jururawat pelatih untuk berusaha bersungguh-sungguh supaya memperoleh kecemerlangan dalam akademik semasa jururawat pelatih belajar di kolej kejururawatan.

Di samping itu, tenaga pengajar jururawat dapat memahami keperluan jururawat pelatih dalam pembelajaran. Melalui kesedaran ini pengajar jururawat dapat menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif, selesa dan mesra jururawat pelatih yang akan menggalakkan minat jururawat pelatih

untuk belajar dan seterusnya mampu untuk meningkatkan pencapaian akademik jururawat pelatih. Pengajar jururawat boleh mengaplikasikan pelbagai kaedah dalam pengajaran untuk membantu jururawat pelatih memahami sesuatu pembelajaran dengan menggunakan cara pembelajaran tradisional, iaitu pembelajaran berpusatkan pengajar jururawat. Melalui hasil kajian juga, pengajar jururawat boleh mengambil inisiatif dengan mengutamakan pembelajaran berpusatkan jururawat pelatih kerana umum sedia maklum golongan remaja dewasa ini suka untuk bersaing, mempunyai banyak kebolehan yang perlu diketengahkan, suka untuk meluahkan perasaan dan buah fikiran yang terpendam dan idea-idea yang baru. Apa yang terpendam dan tidak mampu ditonjolkan atau diluahkan ini akan mematikan minat remaja tersebut, tidak terkecuali kepada jururawat pelatih kerana mereka juga adalah golongan remaja (Ma'arof Redzuan, 2004).

### 1.7 Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan semasa kajian ini dilakukan. Di antaranya adalah seperti berikut :

Sampel kajian diambil dari salah sebuah kolej Sains Kesihatan Bersekutu sahaja dan hasil analisis data tidak boleh digeneralisasikan untuk semua kolej kejururawatan yang berada di Malaysia.